

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1992/1993

Oktober/November 1992

BST 423/3: PENGURUSAN PERSEKITARAN

Masa: [3 jam]

Jawab LIMA daripada ENAM soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

.../2

(BST 423/3)

1. Huraikan setiap langkah yang harus diambil untuk menentukan alam sekitar asal di kawasan di mana sebuah kilang simen akan didirikan.

(20 markah)

2. Dengan merujuk kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan masalah-masalah yang mungkin wujud sekiranya projek pembinaan empangan hidroelektrik dibinakan tanpa kajian penaksiran impak persekitaran.

(20 markah)

3. Projek Pemeliharaan Burung di Kuala Gula, Krian, Perak, mendapati burung kuak telah berpindah tapak pembiakan dari kawasan hutan bakau ke kawasan tanaman kelapa yang terbiar di Batu Lima, Parit Buntar, pada tahun 1990 hingga kini. Pihak PERHILITAN menghadapi kesulitan untuk mengawal kawasan pembiakan ini di Batu Lima dari gangguan oleh orang kampung. Dengan merujuk kepada keperluan biologi burung tersebut dan alam sekitar tempatan, sediakan satu cadangan yang wajar untuk menggalakkan burung kuak balik ke kawasan hutan bakau berhampiran Kuala Gula supaya burung tersebut akan diperlindungi dengan baik.

(20 markah)

...3/-

(BST 423/3)

4. Kajian-kajian garisdasar sering dilakukan bagi memenuhi matlamat-matlamat tertentu. Apakah matlamat-matlamat ini? Bincangkan kebaikan serta keburukan kajian garisdasar.

(20 markah)

5. Proses pembangunan ekonomi yang pesat yang bermula pada tahun-tahun 70an telah menyebabkan Malaysia mengalami detik-detik penting yang dicirikan oleh beberapa krisis alam sekitar. Pilih dua (2) daripadanya dan bincangkan daripada segi kepentingan dan kesignifikanan masing-masing.

(20 markah)

6. Anda telah ditugaskan oleh majikan anda untuk menjalani suatu kajian EIA mengenai suatu cadangan projek pembinaan janakuasa raksaksa di tepi pantai. Di bawah diberikan perincian tambahan:

Keluasan tapak yang perlu ditambak - 1000 ha.

Penduduk - 5 buah kampung nelayan wujud berhampiran tapak projek dengan jumlah 80 keluarga

Bahan api - gas asli dan arang batu

Jumlah kuasa yang akan dijanakan - 4000 MW

Kawalan pencemaran udara - tiada

Jenis tambakan - pasir dasar laut

Berdasarkan maklumat yang diberikan di atas, bincangkan bagaimana anda akan membuat kajian EIA tersebut.

(20 markah)